



# POLISI OPERASI PENDERMAAN ORGAN DAN TISU HOSPITAL KANOWIT

Disediakan Oleh :

Nama : JT Molly Lien Anak Tateh  
Jawatan : Jururawat U32 TBK  
LJM No : 64239  
Tarikh : 19/04/2024

Disahkan Oleh :

Nama : DR. Bernadette Syonnina Binti Jaru  
Sawat  
Jawatan : Pengarah Hospital  
MMC NO : 61590  
Tarikh : 19/4/2024

## PENGENALAN

- Hospital Kanowit adalah sebuah hospital daerah yang tidak mempunyai pakar perubatan dan Unit Rawatan Rapi namun ada menyediakan perkhidmatan pendermaan organ dan tisu. Perkhidmatan pendermaan organ dan tisu ini cuma ditumpukan kepada proses pendermaan tisu kadaverik iaitu pendermaan kulit, kornea, injap jantung dan tulang.
- Hospital Kanowit mempunyai 3 orang pegawai yang terlatih yang terdiri daripada 2 orang Penolong Pegawai Perubatan Kanan dan 1 orang Jururawat Terlatih dalam bertanggungjawab untuk mengenalpasti serta mengurus penderma yang berpotensi.

## TUJUAN POLISI

- 1) Menjalankan promosi pendermaan berkaitan organ dan tisu di kalangan anggota hospital dan orang awam.
- 2) Untuk memastikan pendermaan tisu dilakukan dengan etika dan professional standards.
- 3) Menggalakan anggota unit / wad dan orang awam yang berpotensi untuk mendaftar sebagai pengikrar penderma organ dan tisu.

## POLISI HAK PESAKIT PENDERMAAN ORGAN, TISU DAN TRANSPLAN DI HOSPITAL KANOWIT

- 1) Mempromosikan pendermaan organ dan tisu kepada kakitangan dan pesakit di hospital.
- 2) Pembedahan transplan harus dilakukan oleh pegawai yang bertauliah di pusat bertauliah yang memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 3) Pemindahan organ hendaklah dipromosikan sebagai kaedah rawatan pilihan untuk kegagalan organ peringkat akhir kerana lebih baik dari segi kos dan kualiti kehidupan. Pemindahan tisu dan sel juga digalakkan untuk sebagai kaedah rawatan yang sesuai di mana keberkesannya terbukti.
- 4) Hospital Kanowit juga bekerjasama dengan TOP Team Hospital Sibu sebagai *Lead Hospital* dalam mengenalpasti serta mengurus penderma yang berpotensi termasuk mendapatkan persetujuan dan kebenaran bertulis dari waris terdekat dan menyelaraskan semasa aktiviti perolehan tisu transplan dilakukan.
- 5) Persetujuan bertulis seharusnya diambil dari waris terdekat sebelum proses perolehan tisu transplan dilakukan.
- 5) Memastikan kerahsiaan mengenai identiti dan data peribadi penderma dijaga.
- 6) Dalam kes yang melibatkan pendermaan selepas kematian tetapi berada di bawah Kanun Prosedur Jenayah untuk bedah siasat atau inkuis koronal, kebenaran bertulis haruslah diperolehi terlebih dahulu dari pihak mahkamah sebelum sebarang aktiviti proses perolehan tisu transplan dilakukan mengikut undang-undang yang sedia ada.
- 7) Segala kos rawatan semasa proses pendermaan tisu dilakukan adalah percuma termasuk caj kemasukkan di wad, perubatan, prosedur pembedahan dan semua penyiasatan yang dilakukan.
- 8) Memastikan semua kakitangan yang terlibat dalam proses perolehan tisu transplan mengikut standard keselamatan dan kualiti.
- 9) Pendermaan Organ Dari Penderma Hidup Tiada Kaitan Kekeluargaan (*Unrelated Living Organ Donation*) adalah tertakluk kepada dasar dan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Malaysia. (ruj. MOH/P/PAK/221.11(BP) bertarikh Jun 2007).
- 10) Penderma hidup organ layak menerima kemudahan dimana-mana hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan terpakai untuk seumur hidup.

## LATIHAN DAN PROMOSI

- 1) Anggota yang terlibat dalam pengurusan dan penyelarasan penderma yang berpotensi hendaklah dilatih dalam komponen berkaitan pengendalian perolehan tisu dan organ.
- 2) Hospital ini hendaklah menjalankan pendidikan dan ceramah yang berterusan kepada orang awam dan kakitangan berkaitan pendermaan organ dan tisu.
- 3) Pesakit dan keluarga akan dimaklumkan hak-hak mereka tentang pendermaan organ.
- 4) Penerbitan contohnya poster dan pamflet yang berkaitan pendermaan organ dan tisu hendaklah dipaparkan di kawasan dan sudut yang senang dilihat oleh orang awam.
- 5) Orang Awam yang ingin mendapat maklumat lanjut berkaitan pendermaan organ dan tisu dan ingin menjadi pengikrar bolehlah mendapat khidmat nasihat dan mengisi kad pengikrar dengan AJK Promosi Pendermaan Organ Hospital Kanowit.

## SUMBER RUJUKAN

- National Organ, Tissue And Cell Transplantation Policy, June 2007.(MOH/P/PAK/131.07 (BP).
- Unrelated Living Organ Donation (MOH/P/PAK/221.11(BP).
- Human Tissue Act 1974.
- Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2013: Tatacara Pelaksanaan Kemudahan Wad Kelas pertama dan pengecualiaan Bil perubatan Penderma Organ dan Sel Stem Warganegara dan Bukan Warganegara. Rujukan:KKM87/P1/1/3/ Jld.2 (17),13 Februari 2013.
- Pekeliling Ketua pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2013: Tatacara Pengurusan Penderma Organ dan Tisu Kardaverik Yang Terlibat Dalam Siasatan Polis. Rujukan KKM87/P1/1/3 jld.2 (19), 12 April 2013.